

10 MAY 2003

Lajim-Mahathir

KUNJUNGAN DR MAHATHIR DIHARAP ERATKAN HUBUNGAN ANGGOTA UMNO

KOTA KINABALU, 10 Mei (Bernama) -- Kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah mulai 15 Mei ini diharap akan dapat membantu mengeratkan lagi hubungan di antara anggota-anggota Umno dan kepimpinan parti, kata Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Lajim Ukin.

Selain itu, kunjungan Dr Mahathir ke Sabah juga dapat membantu mengeratkan lagi perhubungan di antara negeri Sabah dan Semenanjung, kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat menyelaraskan lawatan Dr Mahathir ke Sabah di sini hari ini.

"Kita bangga (dengan kunjungan Dr Mahathir sebagai) seorang pemimpin, negarawan, pemimpin Umno yang kita rasa sebagai pemimpin yang telah bawa kemajuan. Bagi negeri Sabah kalau tidak kerana kerajaan Barisan Nasional diterajui oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, kemungkinan kita tidak dapat melihat pembangunan yang begitu pesat sekali di seluruh Sabah," katanya.

Beliau, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata bahkan rakyat pedalaman di Keningau juga melakukan persiapan bagi menyambut ketibaan Dr Mahathir yang telah memastikan pembangunan sampai walaupun hingga ke kawasan pedalaman.

Mengenai program lawatan Dr Mahathir, Lajim berkata Presiden Umno itu akan menghadiri majlis makan malam dan bermesyuarat dengan Badan Perhubungan Umno Negeri setelah tiba di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada hari Khamis jam 8 malam.

Pada keesokan harinya, Dr Mahathir akan ke Keningau untuk merasmikan Kongres Tahunan Parti Bersatu Rakyat Sabah sebelum kembali ke Kota Kinabalu pada sebelah tengah hari untuk bersembahyang Jumaat di Masjid Bandaraya Kota Kinabalu di Likas.

Lajim berkata pada jam 3 petang, Dr Mahathir akan melaksanakan upacara pecah tanah projek pembinaan bangunan Umno Sabah yang dianggarkan bernilai RM35 juta sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MK ROS